

# Usul minta kerajaan naikkan subsidi padi

ALOR SETAR, Isnin — Kerajaan Pusat akan didesak menaikkan subsidi padi dari \$10 kepada \$30 sepikul memandangkan perbelanjaan mengusahakan sawah padi telah naik melambung sekarang.

Usul tersebut akan dibentangkan dalam persidangan agung perwakilan Persekutuan Penanam-penanam padi Kedah di bangunan barunya di Jalan Tunku Ibrahim di sini, Sabtu ini.

Setiausaha agung persekutuan itu, Haji Mohamad Sham bin Lobai Talib memberitahu hari ini, usul tersebut dibentangkan kerana sebuah memorandum menuntut kerajaan menaikkan subsidi padi \$30 sepikul telah dikemukakan oleh satu rombongan ahli jawatankuasa agung persekutuan tersebut kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Mac, 1978.

Beliau berharap, usul tersebut akan mendapat perhatian serius dari kerajaan dalam usaha menolong dan meningkatkan taraf kehidupan penanam padi di negeri ini.

## 45 peratus

Katanya, hasil tanaman padi negeri ini yang diusahakan oleh tenaga penanam-penanam telah dapat membekalkan beras 45 peratus untuk keperluan negara.

Berdasarkan perkara tersebut, tegasnya, sudah wajar kerajaan memberi subsidi padi \$30 sepikul sebagai mengenang jasa penanam-penanam padi.

"Saya percaya usul tersebut akan diluluskan sebulat suara dalam sidang itu," katanya.

Setiausaha agung persekutuan itu menyatakan dua usul lain akan juga dikemukakan dalam persidangan tersebut.

Usul-usul itu ialah:

- Mempercepatkan

pelaksanaan pembinaan projek Muda Dua supaya penanam-penanam padi di kawasan yang terlibat dapat mengusahakan tanaman padi dua kali semusim.

- Mendesak kerajaan mengekalkan pemberian subsidi baja kepada penanam-penanam padi serta membuat kajian terhadap baja supaya lebih bermutu.

Persidangan perwakilan itu akan dirasmikan oleh Ahli Exco kanan, Datuk Haji Mohamad Muslim bin Haji Othman mewakili Menteri Besar Kedah.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri .. 11.9154  
No. Penerimaan .. 0767